

## PERANAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) DALAM DAKWAH AKIDAH TERHADAP ANAK-ANAK MUALAF: SATU PENELITIAN

### *THE ROLE OF INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY IN GUIDING THE FAITH OF MUSLIM CONVERT CHILDREN: A RESEARCH STUDY*

Nur Shafiqah Badlihisam<sup>1</sup>, Redwan Yasin<sup>2\*</sup>, Sayuti Ab Ghani<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Calon Ijazah Sarjana, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. 3221663@alfateh.upnm.edu.my

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. redwan@upnm.edu.my

<sup>3</sup> Professor, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, sayuti\_70@yahoo.com

\*Penulis penghubung

Artikel diterima: 12 Julai 2023

| Selepas Pembetulan: 9 Okt 2023

| Diterima untuk terbit: 10 Nov 2023

#### **Abstrak**

Peredaran zaman yang pantas menuntut golongan pendakwah untuk lebih kreatif dalam mempergiatkan usaha dakwah Islam kepada masyarakat khususnya tentang penghayatan akidah Islamiah yang semakin terhakis kini. Antara golongan yang sering kali dilihat terpinggir daripada sasaran dakwah tersebut ialah anak-anak mualaf yang kini semakin meningkat jumlahnya. Peranan teknologi maklumat dan komunikasi yang ada pada masa kini perlu digunakan dengan sebaiknya bagi menyampaikan dakwah kepada golongan ini. Oleh yang demikian, matlamat penulisan kertas kerja ini ialah mengkaji tentang pengaplikasian teknologi maklumat dan komunikasi sebagai satu pendekatan dakwah semasa bagi memperkukuh akidah anak-anak mualaf. Kaedah kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes digunakan bagi mengumpul data melalui analisis dokumen, temu bual dan pemerhatian untuk dianalisis secara analisis kandungan. Hasil kajian mendapati pendekatan dakwah yang boleh digunakan hendaklah bertepatan dengan fitrah dan tahap kemampuan diri anak-anak mualaf. Pendekatan dakwah juga hendaklah selari dengan peredaran zaman kanak-kanak masa kini. Hasil kajian mencadangkan agar golongan pembimbing masa kini perlu memanfaatkan kemudahan tersebut sebagai bagai alat bantu dalam berdakwah secara kreatif dan efektif. Hal ini penting bagi memastikan proses bimbingan terus berlangsung, sekali gus memperkukuhkan keimanan dan keyakinan anak-anak mualaf terhadap ajaran Islam.

#### **Kata Kunci**

Teknologi Maklumat dan Komunikasi, ICT, Akidah, Anak-anak, Mualaf.

#### **Abstract**

*The rapid pace of time demands that preachers be more creative in intensifying Islamic preaching efforts to the community, particularly in instilling the understanding of Islamic faith, which is increasingly eroded nowadays. Among those often seen marginalized from the target of preaching are the growing number of children of converts. The role of information and communication technology available today needs to be effectively utilized to convey preaching to this group. Therefore, the aim of this paper is to study the application of information and communication technology as a current preaching approach to strengthen the faith of children of converts. A qualitative research method using a case study design is employed to collect data through*

*document analysis, interviews, and observations to be analysed using method of content analysis. The study findings suggest that the preaching approach used should align with the nature and level of ability of the children of converts. The preaching approach should also be in line with the current trends among contemporary children. The study recommends that current preachers should utilize these facilities as creative and effective preaching tools. This is important to ensure that the guidance process continues, thereby strengthening the faith and conviction of the children of converts in the teachings of Islam.*

**Keywords**

*Information and communication technology, ICT, Creed, Children, Convert*

**1.0 Pendahuluan**

Dakwah boleh ditakrifkan sebagai suatu usaha bagi mendorong perubahan dalam diri manusia tentang pemikiran (fikrah), perasaan (syukur), dan tingkah laku (suluk) yang membawa mereka ke jalan Allah (Islam), sehingga membentuk masyarakat Islam (al-mujtama' al-Islami) (Syamsul M Romli, 2003). Menurut M. Natsir, dakwah ialah menyeru manusia agar kembali kepada hukum dan syaria Islam agar mereka dapat mengatur urus diri mereka sesuai dengan kehendak Islam. Sejarah dakwah menjelaskan tentang perkembangan dakwah sejak masa kenabian hingga sekarang yang merangkumi beberapa elemen penting dalam dakwah iaitu; a. Usul al-Da'wah yang merupakan perbincangan dalil-dalil tentang dakwah beserta sumbernya yang diambil dari al-Quran dan As-Sunnah, termasuk perbincangan tentang rukun dakwah, pendakwah, sasaran dakwah dan tujuan dakwah; b. Manahij al-Da'wah yang berkaitan langkah-langkah serta program dakwah; c. Asalib al-Da'wah tentang cara penerapan langkah-langkah dan program dakwah; d. Wasail al-Da'wah iaitu media yang digunakan dalam berdakwah; f. Masyakil al-Da'wah iaitu masalah yang dihadapi dalam dakwah dan cara mengatasinya (Al-Bayanuniyy, 2010).

Internet telah muncul pada tahun 1983 dan berkembang dengan pantas sejak tahun 1991 dengan teknologi World Wide Web (WWW) oleh Tim Berners-Lee dari CERN, Organisasi Eropah untuk Penyelidikan Nuklear. Teknologi ini telah mengubah peradaban manusia secara ketara. Tidak dapat dinafikan bahawa teknologi Internet mempunyai keupayaan untuk mengecilkan tamadun dunia. Teknologi maklumat dicipta sebagai tindak balas kepada keperluan yang semakin berkembang. (Muhammad Rizaldi Pratama & Nia Kurniati Syam, 2022). Internet adalah salah satu teknologi maklumat yang paling maju. Hampir semua aspek kehidupan manusia telah dipengaruhi oleh teknologi ini. Sebagai hasil daripada kemudahan yang disediakan oleh teknologi maklumat, aktiviti dakwah juga mengambil bentuk baru. *E-dakwah* ialah dakwah yang dilakukan dengan bantuan internet.

*E-Dakwah* ialah pelaksanaan dakwah menggunakan teknologi maklumat, terutamanya Internet. Penggunaan teknologi maklumat untuk respons aktif dan inovatif terhadap perkembangan yang sedia ada termasuk e-dakwah. Kesedaran tentang faedah teknologi maklumat membawa kepada tindakan inovatif ini. E-dakwah menjadi perlu kerana dakwah konvensional mempunyai had masa dan ruang, manakala dakwah digital atau e-dakwah tidak. E-dakwah mempunyai banyak sasaran geografi. Jenis dakwah ini boleh menjangkau setiap pengguna Internet. Pada masa kini, platform media sosial seperti TikTok dan Facebook adalah antara platform e-dakwah yang paling popular.

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi juga menjadi tumpuan utama dalam pendidikan Malaysia. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2013–2025 Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan ini. Antara usaha KPM untuk meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia ialah menyediakan akses Internet kepada 10,000 sekolah dan meningkatkan penggunaan ICT untuk pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran sendiri, yang membolehkan pelajar mendapat akses kepada pendidikan berkualiti tinggi tanpa mengira lokasi atau tahap kemahiran mereka (KPM 2023). ICT dalam sistem pendidikan moden telah menjadi semakin penting sebagai alat untuk membantu pengajaran dan pembelajaran. Pelajar telah melayari Internet untuk mendapatkan maklumat, dan membina laman web mereka sendiri dengan mendaftar di platform seperti Facebook dan TikTok.

Secara asasnya, istilah anak muafak merujuk kepada anak-anak dari ibu bapa yang baru sahaja memeluk Islam dan mempunyai iman dan ilmu pengetahuan Islam yang masih lemah (Hermawansyah & Suryani, 2018). Dewasa ini, terdapat pelbagai ancaman akidah terhadap umat Islam termasuklah di kalangan anak muafak. Isu penghayatan akidah Islamiah juga dilihat semakin meruncing dengan berlakunya kes-kes permohonan murtad di kalangan muafak. Antara faktor utama muafak memilih untuk murtad adalah kerana kerapuhan akidah dan juga tidak mengamalkan syariat Islam secara menyeluruh. Jika diteliti, hal ini berpunca daripada kekurangan bimbingan mengenai akidah yang diterima oleh mereka setelah memeluk agama Islam. Hal ini kerana ibu bapa mereka sendiri tidak mempunyai ilmu pengetahuan Islam yang mendalam kerana baru memeluk Islam. Terdapat juga dalam kalangan ibu bapa muafak yang tidak menghantar anak-anak mereka mendalami ilmu agama di sekolah kerana merasakan tiada kepentingan.

Justeru, dakwah terhadap mereka perlu dilaksanakan secara interaktif, efektif dan optimum agar kesejahteraan akidah mereka dapat dipelihara. Antara pendekatan dakwah masa kini yang boleh digunakan untuk mendekati mereka ialah menerusi platform media sosial yang banyak digunakan oleh golongan anak muda seperti Tik Tok, Facebook, Instagram dan sebagainya kerana di sini terdapat pelbagai informasi, ilmu dan hiburan yang wajar dimanfaatkan oleh pendakwah bagi mendekati anak muda khususnya dalam kalangan anak-anak muafak. Kajian mengenai dakwah terhadap golongan muafak telah banyak dilaksanakan. Namun, pengkaji mendapati kajian mengenai dakwah terhadap golongan anak-anak muafak masih sedikit dilaksanakan di Malaysia (Asma' Fakhruddin & Azarudin Awang, 2021). Justeru, kertas kerja ini bertujuan bagi mengkaji tentang pengaplikasian teknologi maklumat dan komunikasi sebagai satu pendekatan dakwah semasa bagi memperkukuh akidah anak-anak muafak ini.

## 2.0 Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang diguna pakai adalah berbentuk kualitatif memandangkan pencapaian objektif kajian memerlukan pemahaman yang mendalam terhadap data kajian berkaitan bimbingan akidah anak-anak muafak dan penggunaan media sosial dan teknologi komunikasi sebagai medium dakwah masa kini. Prosedur kajian ini dilaksanakan melalui dua proses penting iaitu pengumpulan dan penganalisan. Bagi tujuan pengumpulan data, terdapat dua kaedah yang utama menerusi kajian kepustakaan secara terperinci seperti bukti-bukti dokumentasi dan bahan bertulis. Selain itu, kaedah temubual juga dilaksanakan bagi mendapatkan data primer daripada informan pakar dan berkepentingan berdasarkan ilmu, kepakaran dan pengalaman yang dimiliki berhubung topik kajian (Patton, 1990).

Pengkaji telah menjalankan temu bual semi-struktur secara bersemuka bersama informan kajian yang dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Kaedah temu bual ini dipilih bagi memberikan ruang kepada informan untuk mengemukakan data kajian secara terbuka menerusi protokol temu bual yang telah diedarkan sebelum pertemuan. Temu bual telah dijalankan bersama informan-informan pada masa, lokasi dan waktu yang berlainan yang merangkumi pakar dan pembimbing yang terlibat dalam bimbingan anak-anak mualaf daripada pelbagai agensi dan pertubuhan. Proses transkripsi telah dilakukan bagi membolehkan penganalisan data dilakukan berdasarkan tema-tema yang berkaitan (Darusalam, Ghazali et al., 2016). Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis induktif berpandukan kepada objektif kajian yang dirangka. Di peringkat akhir, dapatan data yang diperolehi akan diperkukuhkan menerusi pengumpulan data dari sudut dokumen dan temu bual diperkuatkan dengan penelitian terhadap bukti-bukti dokumen. Ini kerana kaedah penganalisan dokumen merupakan salah satu cabang daripada kaedah analisis data yang telah sesuai untuk dilaksanakan di bawah kajian kualitatif (Babbie E, 2010).

jenis tafsir

### 3.0 Dapatan dan Perbincangan

#### 3.1 Signifikan Dakwah Akidah Terhadap Anak-anak Mualaf

Dakwah berasal daripada perkataan Bahasa Arab *دعوة - يدعو* yang bermaksud mengajak, menyeru, memanggil (Abdul Zaidan, 2011). Dakwah bermaksud ajakan dan seruan kepada jalan Allah SWT. Dakwah merupakan ajakan dan seruan bertujuan menyebarkan ajaran Islam. Pelaksanaan dakwah melibatkan elemen-elemen utama yang merangkumi pendakwah (*da'i*), isi dakwah (*maudhu'*), metodologi dakwah (*manhaj al-dakwah*) dan sasaran dakwah (*mad'u*) (Abdul Zaidan, 2011). Firman Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud:

"Katakanlah (Muhammad), "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan yakin, Mahasuci Allah, dan aku tidak termasuk orang-orang musyrik."

Surah Yusuf (12):108

Terdapat pelbagai pendekatan yang boleh digunakan bagi menyampaikan mesej dakwah secara efisien. Prinsip utama yang menjadi teras kepada penyampaian dakwah adalah mestilah berhikmah dan bijaksana. Hal ini dinyatakan secara jelas melalui firman Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud:

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah pertunjuk."

Surah al-Nahl (16):125

Berdasarkan ayat di atas, dapatlah difahami bahawa pelaksanaan dakwah haruslah selari dengan tahap kemampuan penerima dakwah (*mad'u*) untuk memahami inti pati ajaran Islam yang ingin disampaikan menerusi kebijaksanaan pendakwah. Antara ciri hikmah yang diamalkan adalah menerusi kata-kata nasihat yang lembut dan berdebat secara ilmiah atau mengadakan sesi perbincangan dengan baik (Sabi, 2009).

*Dakwah bil hikmah* juga merangkumi segenap aspek iaitu pendakwah (*da'ie*), isi dakwah (*maudhu'*), metodologi dakwah (*manhaj al-dakwah*), sasaran dakwah (*mad'u*) dan alat dakwah (*wasilah*).

Para ulama' menekankan agar pendidikan akidah Islam diberikan keutamaan dalam pelaksanaan dakwah khususnya untuk golongan anak mualaf. Hal ini kerana akidah merupakan asas agama Islam yang perlu diterapkan sejak usia kecil agar iman seseorang itu tidak mudah goyah ketika telah meningkat dewasa (Abdullah Nasih Ulwan, 1998). Para ulama memberikan definisi akidah dari sudut Bahasa Arab daripada perkataan *al-'aqd* yang membawa maksud simpulan, yakin, ikatan dan saling berpegang (Ibn Manzur, t.th: 296). Istilah tersebut dapat difahami sebagai keyakinan yang terikat kuat dan tersimpul erat dalam hati terhadap sesuatu perkara yang benar dan hak sehingga tidak mungkin terurai lagi. Manakala dari sudut istilah akidah bermaksud suatu perakuan di dalam hati, yang membawa keyakinan yang tidak ada keraguan dan syak padanya (al-Athari 1442:11). Dakwah amat penting terutamanya untuk anak mualaf yang masih lagi kecil. Hal ini amat penting bagi memantapkan lagi kefahaman akidah Islam sejak awal agar akhlak yang baik tumbuh dalam diri mereka hasil daripada kefahaman akidah Islamiah yang mantap. (Temubual bersama Pegawai PERKIM 1).

Selain itu, menurut Sabiq (1984), akidah ialah kepercayaan dan keyakinan yang mantap terhadap sesuatu, tanpa sebarang rasa syak dan keraguan. Akidah menjadi asas utama membentuk diri manusia menjadi seorang mukmin dan Muslim. Kebanyakan sarjana menetapkan enam rukun iman yang diyakini oleh setiap umat Islam itu sebagai maksud akidah yang sah. Seterusnya, akidah Islam pula adalah gabungan dua istilah yang membawa maksud keyakinan yang *jazam* terhadap hakikat-hakikat yang telah ditetapkan dalam agama Islam untuk diyakini dan beriman padanya tanpa keraguan di dalam hati sehingga tidak mungkin akan terputus walau apa jua keadaan menurut Mohd Sulaiman Yasin (1997: 7).

Secara asasnya, penerapan akidah Islamiah ialah menerusi perbuatan mentauhidkan Allah SWT yang berasal dari kalimah Arab iaitu *الحد* bermaksud mengesakan. Tauhid ialah dasar paling utama dalam memeluk ajaran Islam. Dari segi istilah pula bermaksud beriktikad bahawa Allah SWT itu esa tiada sekutu. Atas dasar tauhid inilah lahirnya cabang-cabang lain seperti peraturan-peraturan yang mengatur hubungan manusia dengan Allah SWT, mengatur hubungan manusia sesama manusia, dan manusia dengan makhluk. Justeru, asas pada segala penetapan hukum Islam haruslah kembali kewajipan mentauhidkan Allah SWT. Tanpa keyakinan tauhid yang kukuh, maka insan akan merasai kesukaran untuk melaksanakan segala ketaatan dan kepatuhan terhadap ajaran agama Islam (Sayyid Qutb: 1998).

Oleh yang demikian, dalam konteks anak-anak mualaf, dakwah akidah amat signifikan untuk didedahkan kepada mereka sejak mereka memeluk Islam. Ini adalah kerana latar belakang dan persekitaran pembesaran golongan tersebut adalah berbeza dengan anak-anak yang dilahirkan dalam keluarga Islam. Malah kekeliruan berkemungkinan berlaku dalam pemahaman mereka terhadap konsep akidah Islam memandangkan mereka pernah didedahkan dengan unsur-unsur ketuhanan dan keagamaan yang terdahulu. Ibu bapa yang diharapkan untuk mendidik mereka juga mempunyai ilmu agama Islam yang kurang kerana baru memeluk Islam (Waeonoful, 2016). Justeru pendekatan dakwah terhadap anak mualaf perlulah dikaji semula pelaksanaan dan dikembangkan dengan suntikan elemen-elemen canggih dan pendekatan terbaharu bagi membangkitkan minat dalam jiwa anak-anak mualaf untuk

mendalami ajaran Islam. Malah penerapan kaedah ini juga amat penting bagi memastikan proses bimbingan kepada mereka lebih berkesan.

Akidah Islam ataupun iman ini merupakan sesuatu yang sangat berharga dalam diri manusia. Allah SWT menjadikan hidayah iman sebagai suatu nikmat yang tidak dapat dibandingkan dengan apa jua perkara di dunia ini. Ia merupakan satu kebaikan daripada Allah SWT kepada umat manusia (al-Sayyid Sabiq 1984: 69). Golongan mualaf termasuk anak-anak kecil yang memeluk Islam juga sewajarnya mensyukuri nikmat keimanan yang dikurniakan Allah SWT. Kesyukuran ini dapat diterjemahkan dengan perbuatan mengukuhkan iktikad dan pelaksanaan amal ibadah menerusi lisan, anggota badan dan hati.

Penghayatan terhadap nilai akidah amat signifikan dalam diri mualaf kerana memberikan kesan yang hebat terutamanya dalam membina jati diri sebagai muslim sejati di masa hadapan. Sekiranya iman telah teguh dalam diri anak mualaf, ia akan terpancar melalui kata-kata dan perbuatan diri mereka. Setiap perbuatan dan perkataan insan akan sentiasa bergerak selari dengan syariat Allah SWT. Hal ini berpunca daripada kekuatan akidah yang membina keyakinan tentang kebenaran agama Islam berbanding dengan ajaran agama yang pernah dianuti dan dipelajari dahulu. Malahan, mereka sentiasa sanggup berkorban demi Allah SWT dan Rasul ekoran daripada sinaran iman yang menerangi jiwa mereka. Hal ini bersesuaian dengan firman Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud:

“Jika bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khawatiri kerugiannya, dan tempat tinggal yang kamu sukai, adalah lebih kamu cintai dari Allah dan Rasul-Nya dan dari berjihad di jalan-Nya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusan-Nya. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik.”

Surah At-Taubah (9):24

Seterusnya, kepentingan akidah Islamiah dapat dilihat sebagai punca kebahagiaan dan ketenangan hidup anak mualaf setelah memeluk Islam bersama ibu bapa mereka. Ini kerana golongan tersebut meyakini ketenangan jiwa bukan wujud perkara material semata-mata, bahkan berpunca daripada keyakinan terhadap akidah yang sahih. Perumpamaan tersebut dinyatakan dengan jelas oleh Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud:

“Barangsiapa yang mengerjakan amal saleh, baik laki-laki maupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan Kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan.”

Surah Al-Nahl (16): 97

Malah akidah Islamiah yang menjadi keutamaan dalam proses bimbingan juga akan melahirkan anak mualaf yang berperibadi unggul dan dikasihi oleh Allah SWT, Rasul dan masyarakat. Anak mualaf ini akan sentiasa cuba memastikan setiap niat, perkataan dan perbuatan yang dilakukannya selari dengan prinsip Islam kerana merasakan pengawasan Allah SWT dalam setiap agenda kehidupannya. Kesannya akan menjadikan anak mualaf itu tersebut sentiasa berhikmah dan bijak dalam berurusan dengan insan di sekelilingnya. Hal ini kerana setiap perintah dan larangan Allah SWT itu mempunyai hikmah kebijaksanaan yang sering kali menjadi faktor kejayaan individu di dunia dan akhirat (Mohd Sulaiman Yasin 1985:111).

### 3.2 Penggunaan ICT dalam Dakwah Akidah Anak-Anak Mualaf

Pendekatan dakwah Islamiah tidak pernah menafikan kemajuan teknologi maklumat khususnya platform medium media sosial boleh dijadikan sebagai alat untuk menyampaikan isi dakwah itu sendiri kerana terdapat ramai sasaran dakwah di dalam. Dalam Bahasa Arab disebut *wasilah al-da'wah* (Puteh & Salam, 2011). Pengalaman dakwah dalam Islam tidak semestinya menggunakan satu kaedah sahaja, malah merangkumi aspek bagaimana dakwah itu harus disusun menjadi suatu program yang dijalankan secara sistematik (Zakaria et al, 2017). Penggunaan media sosial yang selari dengan kaedah Islam banyak membantu pendakwah dalam memahami sasaran dakwah. Pendekatan tersebut juga mampu membuatkan sasaran dakwah lebih yakin kepada pendakwah dan boleh menceritakan permasalahannya yang wujud kepada pendakwah (Ab Rahman et al, 2020).

Kebarangkalian keyakinan itu terbina apabila banyak berlaku interaksi antara pendakwah dan *mad'u*. Justeru, para pendakwah masa kini perlulah memanfaatkan medium media sosial ini sebagai alat untuk berdakwah kerana sebaran dakwah itu akan lebih sampai kepada *mad'u* (Badlihisam, 2012). Penggunaan *wasilah* dakwah telah lama digunakan dalam Islam dan ianya telah muncul sejak awal zaman Rasulullah SAW. Misalnya, terdapat banyak kisah para Nabi dan Rasul terdahulu dalam al-Quran yang seolah-olahnya mendatangkan sebuah gambaran di minda ketika membacanya. Rasulullah SAW juga telah meminta beberapa orang sahabat untuk bersyair di pentas syair bagi menyebarkan dakwah Islam dan untuk membalas sebarang tohmahan yang dilemparkan oleh orang musyrikin. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang telah mengarahkan Hassan bin Tsabit untuk bersyair ketika perang Bani Quraizhah yang maksudnya:

“Seranglah kaum Musyrikin (dengan syairmu), kerana Jibril bersamamu.”

Al-Bukhari, no. 6153 dan Muslim no. 2486

Justeru, sebagaimana pentas syair digunakan sebagai *wasilah* dakwah pada zaman Rasulullah SAW kerana pentas syair boleh dianggap sebagai media utama masyarakat Arab ketika itu, maka medium teknologi maklumat dan media sosial wajar dimanfaatkan sebaik mungkin sebagai *wasilah* dakwah kerana ia menjadi tumpuan masyarakat khususnya golongan muda termasuk anak-anak mualaf pada masa ini. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), media adalah alat komunikasi atau alat perhubungan. Adapun sosial bermaksud segala perkara yang berkaitan dengan masyarakat. Para pengguna media sosial saling berinteraksi, berkongsi dan membangun jaringan. Manusia diciptakan oleh Allah SWT dengan kemampuan untuk berfikir. Oleh itu, manusia mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sentiasa berubah-ubah termasuk penciptaan teknologi maklumat yang boleh membantu dalam aspek kehidupan. Manusia telah beradaptasi dengan teknologi maklumat ini dan menjadikannya sebahagian dari hidup mereka (Qistina & Hazman, 2010).

Oleh yang demikian, golongan anak-anak mualaf juga tidak terkecuali daripada menghadapi kesan perubahan teknologi maklumat itu memandangkan mereka juga membesar seperti kanak-kanak seiring usianya. Jika diperhatikan aplikasi seperti TikTok, IG, Facebook dan sebagainya yang menjadi tumpuan golongan muda perlu digunakan sebaiknya untuk tujuan dakwah agar platform ini tidak sekadar menyediakan hiburan dan informasi yang tidak bermanfaat. Bahkan, tidak dapat dinafikan lagi ada pihak-pihak tertentu yang menggunakan platform media sosial untuk menormalkan fahaman yang bertentangan dengan Islam seperti liberalisme, feminisme, sekularisme

dan sebagainya dalam kalangan umat Islam (Yahaya et al.,2021). Perkara ini amat membimbangkan jika para pendakwah tidak mengambil peluang untuk menyampaikan kepada masyarakat khususnya golongan anak mualaf tentang ajaran Islam yang sebenar melalui platform media sosial yang telah pun terbentang luas.

Antara yang paling utama masa kini adalah aplikasi TikTok iaitu merupakan aplikasi keluaran sebuah syarikat Byte Dance dari China telah mendapat sambutan pengguna sehingga mencecah 100 juta pengguna dalam tempoh 1 tahun. Nama aplikasi tersebut ialah Douyin di China tetapi bagi tujuan pasaran antarabangsa, syarikat tersebut menamakannya sebagai TikTok. Aplikasi ini sangat popular terutamanya di kalangan anak muda sehingga ia mampu meraih bilangan 1 billion pengguna aktif global setakat Januari 2022. TikTok juga mempunyai 1 trillion tontonan video dan lebih 800 juta ciptaan video yang bukan sekadar video hiburan sahaja. Menurut laporan Sensor Tower, TikTok merupakan aplikasi paling popular yang dimuat turun dari App Store berbanding aplikasi media sosial lain. Di Malaysia pula mencatatkan hampir 17 juta orang pengguna TikTok (Pratiwi, 2022).

Justeru, amatlah rugi jika para pendakwah tidak memanfaatkan platform ini untuk berdakwah. Antara strategi yang boleh dilakukan bagi para pendakwah untuk menarik minat *mad'u* termasuklah anak-anak mualaf ialah meraikan jiwa dan perkembangan anak muda yang mudah suka kepada perkara-perkara yang tular seperti lagu, trend atau muzik tertentu. Hal ini selari dengan kaedah yang diajarkan oleh Rasulullah SAW dalam berdakwah iaitu memahami fitrah setiap kanak-kanak yang mudah seronok, teruja dan positif dengan aktiviti fizikal dan baginda pun mengambil peluang menyampaikan pesannya setelah *mad'u* nya selesai bermain (Rosni Wazir, 2014). Para pendakwah perlu menggunakan elemen lagu atau perkara yang menjadi tular di media sosial untuk dijadikan sebagai alat untuk menarik sasaran dakwah selagi tidak bertentangan dengan syarak. Hal ini agar dakwah tersebut lebih dekat dan santai kepada mereka. Capaian video kepada pengguna juga akan lebih tinggi apabila pendakwah memanfaatkan trend terkini yang ada di TikTok melalui penggunaan tanda pagar atau hashtag tertentu yang sedang tular ketika itu.

Selain itu, pendakwah hendaklah kreatif dalam menyampaikan isi kandungan dakwah dalam bentuk video yang ringkas, padat dan jelas. Hal ini kerana majoriti masyarakat terutamanya anak muda lebih gemar menonton video-video yang pendek berbanding video yang berdurasi panjang. TikTok ialah salah satu medium yang menyediakan pelbagai jenis gaya dan bentuk yang boleh digunakan oleh para pendakwah untuk menghasilkan satu video yang pendek tetapi padat dan menarik. Malah, khusus untuk anak-anak mualaf, para pendakwah juga boleh mempelbagaikan bahasa di dalam video yang dihasilkan dengan adanya fungsi sari kata pelbagai bahasa yang boleh diletakkan atau penerangan terhadap mesej audio yang disampaikan berbentuk penulisan, gambar dan *emoticon*. Ini kerana kebanyakan anak-anak mualaf di Malaysia datang daripada kaum selain Melayu seperti India dan Cina yang mempunyai bahasa pertuturan berbeza. Di sinilah teknologi komunikasi mampu memainkan peranan utama dalam memudahkan dakwah akidah anak-anak mualaf.

Seterusnya, TikTok juga mempunyai pelbagai bentuk dan latar belakang gambar yang cantik dan menarik. Para pendakwah dapat memanfaatkan fungsi ini bagi memastikan isi kandungan dakwah itu disampaikan secara lebih interaktif dan menarik minat golongan anak mualaf ini. Hal ini kerana terdapat pergerakan-pergerakan menarik yang digunakan dalam video sehingga menyebabkan orang ramai tidak menjadi bosan dengan penyampaian dakwah itu. Ia juga dapat memudahkan lagi pemahaman para pengguna media sosial khususnya anak muda termasuk anak mualaf yang lebih suka

pada penerangan berbentuk ilustrasi yang menarik dan bukannya teks yang panjang seperti yang ada di dalam buku (Hamid, N. S. A et al., 2022).

Kajian juga menunjukkan bahawa pembelajaran dengan menggunakan teknologi digital termasuk media sosial ini mengandungi elemen kemahiran berfikir aras tinggi yang mampu meningkatkan kekuatan memori kanak-kanak (Huber et al., 2016). Selain itu, ia juga mengandungi aspek yang interaktif serta menarik yang mampu meningkatkan daya tumpuan kanak-kanak terhadap apa yang ingin disampaikan (Neumann, 2018). Seterusnya, menurut beliau skrin media yang interaktif mampu untuk meningkatkan kemahiran literasi dan bahasa kanak-kanak. Bahkan, ia boleh diubah suai dan mudah digunakan oleh kanak-kanak (Dhawan, 2020) Pembelajaran melalui teknologi digital ini juga dapat menyediakan kemahiran atau pengalaman yang tidak dapat disediakan oleh dunia semulajadi (Munohsamy, 2014). Namun begitu, kajian Siskind et al. (2020) menyatakan terdapat faktor-faktor yang perlu dipenuhi bagi memastikan penggunaan teknologi digital terhadap domain perkembangan kanak-kanak dapat dicapai. Antara faktor berikut ialah orang dewasa perlu berperanan untuk menyokong dan berinteraksi dengan kanak-kanak ketika penggunaan peranti teknologi. Selain itu, kandungan pembelajaran media digital haruslah bersesuaian, berunsurkan pembelajaran dan interaktif.

Justeru, pendakwah hendaklah bertanggungjawab untuk menyediakan isi kandungan video yang bukan sahaja menarik tetapi juga selari dengan ajaran Islam agar tidak menimbulkan salah faham kepada sasaran dakwah kita terutamanya golongan anak-anak muallaf yang masih kurang ilmu pengetahuannya tentang Islam. Justeru, setiap pendakwah perlu sentiasa menuntut ilmu dari sumber Al-Quran dan Hadis dan merujuk kepada guru yang benar agar dapat memantapkan lagi pemahaman ilmu agama yang dimiliki (Hikmawati & Farida, 2022). Hal ini selari dengan pandangan daripada Febriana (2021) yang menyatakan konsep media dalam Islam merupakan aspek yang lebih luas dalam kaedah komunikasi Islam telah menetapkan satu kaedah yang jelas dalam peranan media ini sebagai medium komunikasi, pengajaran, informasi dan sebagainya iaitu menerusi al-Quran yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah untuk menentukan kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahatan kamu mengenaiya sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

Surah Al-Hujurat (49): 6

Justeru, keaslian dan kesahihan dalam penyampaian ilmu itu amat penting dalam dakwah media sosial. Para pendakwah hendaklah berhati-hati dalam menyebarkan ilmu dan tidak perlu membahas semua isu yang sedang viral semata-mata ingin mencari populariti di media sosial. Sebarang isu yang bukan dalam kepakaran pendakwah itu wajarlah tidak diulas bagi mengelakkan sebarang salah faham kepada pengguna media sosial khususnya anak muallaf yang masih kurang ilmu pengetahuannya. Di samping itu, para pendakwah mestilah menggunakan kaedah penyampaian secara beradab dan berhikmah. Para pendakwah harus menggunakan pemilihan nada suara yang sesuai supaya orang yang mendengar dakwah itu dapat menerima dengan hati yang penuh terbuka. Hal ini selari dengan ajaran Islam untuk berdakwah dengan cara yang berhikmah dan sesuai dengan *mad'unya* (Badlihisam, 2012).

Hal ini selari dengan kajian Ghazali (2007) yang menyatakan dalam menghadapi cabaran semasa terhadap umat Islam, media harus berperanan dalam lima aspek utama ini iaitu:

- i. Sebarkan Islam dan menerangkan tentang yang hak kepada masyarakat
- ii. Membela isu-isu yang berkaitan dengan kehidupan ummah; mengaplikasikan pendekatan dan kaedah yang berhikmah dan bijak dalam menjayakan proses komunikasi yang efektif
- iii. Melaksanakan perang saraf terhadap musuh sebagai salah strategi dakwah bagi menangkis serangan media Barat
- iv. Melemahkan hujah dan posisi mereka serta menguatkan hujah dari sudut perspektif islam
- v. Menghadapi perang media propaganda asing serta melindungi ummah dari kesesatan.

Jika diperhatikan, istilah *quwwah* mempunyai hubung kait dengan kaedah persiapan kekuatan dakwah bagi umat Islam yang melibatkan medium media sosial termasuk TikTok. Penggunaan media sosial dan teknologi komunikasi sebegini hendaklah dimanfaatkan sebaik mungkin bagi menyebarkan fikrah Islam yang syumul terhadap golongan anak-anak mualaf ini dan masyarakat umum yang lain. Beliau menyatakan agar masyarakat mengambil *ibrah* daripada petikan ayat al-Quran yang menceritakan tentang para penyair di mana kebanyakannya membawa perkara yang mengarut kecuali penyair yang beriman dan beramal soleh. Begitu juga dengan TikTok ini, di mana ianya akan membawa pada kebaikan jika digunakan untuk kebaikan, begitu juga sebaliknya (Halim, 2023). Firman Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud: "Dan ahli-ahli syair itu, diturut oleh golongan yang sesat - tidak berketentuan hala. Tidakkah engkau melihat bahawa mereka merayau-rayau dengan tidak berketentuan hala dalam tiap-tiap lembah (khayal dan angan-angan kosong)? Dan bahawa mereka memperkatakan apa yang mereka tidak melakukannya? Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh (dari kalangan penyair-penyair itu), dan mereka pula mengingatkan Allah banyak-banyak, serta mereka membela diri sesudah mereka dianiaya. Dan (ingatlah), orang-orang yang melakukan sebarang kezaliman, akan mengetahui kelak, ke tempat mana, mereka akan kembali."

Surah As-Syuara' (26): 224-227

### 3.3 Isu dan Cabaran Penggunaan ICT dalam Dakwah Akidah Anak-anak Mualaf

Antara isu dan cabaran penggunaan ICT dalam melaksanakan dakwah terhadap anak-anak mualaf ialah kekurangan kewangan untuk membeli peranti dan alatan teknologi komunikasi yang ingin digunakan. Tidak dinafikan, kebanyakan keluarga mualaf mempunyai masalah kewangan kerana dibuang keluarga dan kerja, serta menghadapi masalah kesakitan. Jadi pembelian peranti ini merupakan satu perkara yang agak membebankan mereka apatah lagi untuk konsisten membayar servis internet pada setiap bulan (Temu bual bersama Pegawai PERKIM 2). Malah terdapat juga ibu bapa yang mempunyai bilangan anak yang ramai, maka pembelian alat peranti untuk belajar perlu lebih daripada sebuah. Semua ini merupakan kekangan yang besar dalam melaksanakan dakwah akidah terhadap anak mualaf dengan menggunakan kemudahan ICT (Temu bual bersama Pegawai PERKIM 2).

Tidak dinafikan di PERKIM Kebangsaan misalnya terdapat kelas yang mempunyai kemudahan alat bantu mengajar seperti pemancar LCD dan projektor tetapi jumlah tersebut masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan anak-anak muafaf. Ini kerana hanya sebahagian kelas sahaja yang dilengkapi oleh kemudahan tersebut. Namun, kelas-kelas lain masih menggunakan kaedah pembelajaran yang sama iaitu menggunakan kaedah pengajaran yang tradisional tanpa sebarang alat bantuan mengajar berteknologi canggih (Temu bual bersama Pegawai PERKIM 2).

Selain itu, antara cabaran yang dihadapi adalah aktiviti pemantauan terhadap penggunaan teknologi dan media sosial oleh anak-anak muafaf. Ini kerana penggunaan peranti dan kemudahan internet oleh mereka tidak boleh dibiarkan secara melulu tanpa sebarang pengawasan oleh ibu bapa. Hal ini adalah kerana mereka masih mentah untuk membezakan baik dan buruknya segala paparan yang dikongsi dalam dunia tanpa sempadan. Apatah lagi, kemudahan internet juga membolehkan mereka berkomunikasi dengan sesiapa sahaja yang tidak dikenali menerusi pelbagai aplikasi media sosial yang digunakan secara meluas kini. Maka perkara ini amat membimbangkan jika mereka tidak dipantau dengan baik oleh ibu bapa (Temu bual bersama Pakar Pendidikan Kanak-kanak).

Dalam menghadapi cabaran penggunaan ICT dan media sosial, pengawasan oleh ibu bapa dan guru amat diperlukan kerana kedua-dua golongan merupakan golongan yang banyak menghabiskan masa dengan anak-anak muafaf ini sama ada ketika mereka berada di rumah mahupun di sekolah. Pada era globalisasi masa kini, segalanya di hujung jari telah menyebabkan anak-anak muafaf yang masih rapuh pengetahuan akidah, kini berdepan dengan cabaran yang besar untuk terus mengekalkan keimanan dalam jiwa. Penularan budaya negatif seperti hedonisme, liberalisme, *ananiyyah*, pornografi dan sebagainya yang boleh dilihat melalui media sosial amat mudah mempengaruhi golongan anak muda yang tiada jati diri agama yang kukuh. Kegagalan menangani cabaran ini pastinya menyebabkan kesan buruk dalam minda pemikiran anak-anak muafaf pada masa hadapan.

Haruslah diingatkan bahawa ibu bapa dan guru pembimbing tidak boleh mengambil sikap sambil lewa atau terlalu percaya kepada anak tanpa memeriksa dengan lebih lanjut aplikasi apa yang dilayari oleh anak mereka. Antara kaedah terbaik adalah ibu bapa haruslah memuat turun aplikasi yang khusus untuk mengehadkan video yang baik sahaja untuk dilayari oleh anak mereka dan aplikasi khusus yang boleh memeriksa semula laman web apa yang dilayari oleh anak-anak seperti aplikasi *Qustudio*, *Bark* dan *Nat Pengasuh*. Hal ini penting untuk memastikan anak-anak muafaf khususnya tidak terpengaruh dengan budaya dan pemikiran yang merosakkan kefahaman agama dan akidah mereka (Temu bual bersama guru muafaf 1).

Di samping itu, kaedah penjadualan dalam mengehadkan masa dalam penggunaan peranti dan alatan komunikasi teknologi juga merupakan satu inisiatif yang baik bagi memastikan kesihatan anak muafaf terjaga (Temu bual bersama guru muafaf 2). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melalui Berita Harian telah membuktikan bahawa gajet tanpa wayar seperti tablet dan telefon bimbit merupakan risiko pembawa kanser yang disebabkan oleh radiasi yang dihasilkan. Radiasi yang dihasilkan mampu melumpuhkan sistem imunisasi kanak-kanak jika mereka terdedah kepada radiasi yang tinggi atau terlalu lama terdedah sejak bayi lagi. Gajet juga boleh menyebabkan pengguna yang gemar bermain alat permainan video yang dipegang secara terlalu lama mengalami masalah tulang belakang (Berita Harian, 2015). Pengawasan ini perlu agar penggunaan kemudahan ICT ini kembali kepada motif asal iaitu memudahkan proses

bimbingan dan dakwah akidah yang selari dengan peredaran zaman, bukan sekadar membuang masa (Temu bual bersama guru mualaf 2).

#### 4.0 Kesimpulan

Melalui kajian ini menunjukkan betapa pentingnya peranan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai *wasilah* atau alat untuk berdakwah yang tidak boleh ditolak penggunaannya pada masa kini. Ia umpama senjata yang digunakan untuk menyebarkan fikrah Islam terhadap masyarakat dan merupakan medan jihad umat Islam khususnya para pendakwah untuk berjuang menyebarkan dan mempertahankan ajaran Islam yang menjadi warisan para-Nabi AS demi kesejahteraan akidah umat Islam khususnya golongan anak mualaf. Mereka ini terlalu mendahagakan bimbingan agama daripada ibu bapa mereka yang masih kurang ilmu agamanya lantaran turut baru bergelar mualaf. Kemunculan pelbagai medium komunikasi terkini dan aplikasi di media sosial seperti *TikTok Facebook, Twitter* dan lain-lain menjadi alat dakwah para pendakwah untuk terus progresif dan optimis dalam mendekati para *mad'u* terutama golongan anak mualaf yang juga merupakan antara pengguna media sosial.

Maka, Islam sebagai sebuah ajaran yang syumul dan dinamik mengikuti peredaran zaman membuka ruang seluas-luasnya untuk aktiviti dakwah ini berjalan dengan baik tetapi haruslah mengikut panduan syarak demi kebaikan semua pihak di dunia dan akhirat. Masyarakat pada hari ini kehausan ilmu dan hiburan alternatif yang mengisi jiwa mereka dan kebanyakannya memilih melayari media sosial bagi mengisi masa senggang yang ada. Justeru, ruang ini harus dimanfaatkan untuk diisi dengan nilai ilmu Islam yang disampaikan secara santai dan kreatif bagi memantapkan akidah Islam dalam diri masyarakat, khususnya golongan anak mualaf ini.

#### Penghargaan

Kerja ini disokong oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2021/SSI0/UPNM/03/3). Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia atas sokongan bagi penyelidikan ini.

#### Rujukan

Al Quran

Abdullah Nasih Ulwan. (1998) *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam*: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia: Kuala Lumpur.

Ab Rahman, A., Nozlan, N. N., Thaidi, H. A. A., Ab Rahman, M. F., & Zakaria, M. A. (2020). Isu penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) dan Institusi Pendidikan sewaktu COVID-19.

Abdul Jalil, J., Hamzah, M. I., & Lubis, M. A. (2017). Tahap pengetahuan dan amalan Fardhu Ain anak-anak muallaf Sekolah Menengah di Bahagian Sri Aman Sarawak. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 107–123.

Abdul Ghafar Don, Hailan Hj. Salomon. (2009). Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Pendekatan dan Cabaran. *Jurnal al-Hikmah* (vol.1, jil.1).

- Abu Bakar, D. Z. R. (2013). Pengislaman anak-anak mualaf di bawah umur: Respons PPMM. Astro Awani. <https://azrilmohdamin.com/2013/06/20/pengislaman-anak-anak-mualaf-di-bawah-umur-respons-ppmm-2/>.
- Abu Bakar, S. A., & Ismail, S. Z. (2018). Pengurusan Mualaf di Malaysia: Kerjasama DinamiK antara Agensi dan Bukan Kerajaan. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 16(2), 133–155. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol46no2.4>
- Al-Bayanuniyy, Muhammad Abu al-Fath. 2010. *al-Madkhal Ila Ilmi Ad-Da'wah*. Beirut, Lubnan: Darul Risalah al-Alamiyah.
- Al-Zaidan, Abdul Karim. (2011). *Usul al-Dakwah*. Terj; Pustaka Salam Sdn. Bhd. Kuala Lumpur: Percetakan Salam Sdn. Bhd.
- Alzahrin Alias & Mohd Nasaruddin Parzi. (2015). Gajet Lemahkan Imunisasi Kanak-Kanak, 29 April, Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/node/50554>
- A. M. (2019, May 17). *Tik Tok Adalah Aplikasi Paling Popolar Dimuat Turun Dari App Store*. Wiser.my. Retrieved April 10, 2023, <https://Wiser.my/Tik-Tok-Adalah-Aplikasi-Paling-Popolar-Dimuat-Turun-Dari-App-Store-Dan-Ketiga-Popolar-Dari-Google-Play-Store>.
- Asma Fakhruddin & Azarudin Awang. (2021). Keberkesanan Pendidikan Islam bagi Anak-Anak Mualaf: Analisis Keperluan. *ABOUT I-MAC* (2021),1
- Badlihissham Mohd Nasir. 2012. Islam dan Dakwah dalam Zaman Kebangkitan Awal Islam dan Era Penjajahan Barat di Tanah Melayu. *Jurnal Islamiyyat*. 34: 5-12.
- Babbie E. (2010). *The Practice of Social Research*. USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Che Abah, N., Suhid, A., & Mohd Fakhruddin, F. (2019). Isu dan Cabaran Saudara Baharu di Malaysia: satu tinjauan awal. *Jurnal Al-Anwar*, 8(2), 1–13.
- Dhawan, S. (2020). Online Learning: A Panacea in the Time of COVID-19 Crisis. *Journal of Educational Technology Systems*, 49(1), 5-22. doi:10.1177/0047239520934018
- Darusalam, Ghazali, & Sufean Hussin (2016). Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian. Penerbit Universiti Malaya
- Febriana, A. (2021). Pemanfaatan Tik-Tok Sebagai Media Dakwah:(Studi Kasus Ustad Syam, di akun@ syam\_elmarusy). *KOMUNIDA: Media Komunikasi dan Dakwah*, 11(02), 180-194.
- Halim, I. A. (2023, March 2). Manfaatkan TikTok jadi senjata kekuatan media Islam. *HarakahDaily*. <https://harakahdaily.net/index.php/2023/03/01/manfaatkan-tiktok-jadi-senjata-kekuatan-media-islam/>
- Hamid, N. S. A., Bakar, K. A., & Yusof, N. (2022). Pedagogi Pendidikan Awal Kanak-kanak di Prasekolah Pasca-Pandemik COVID-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 50-57.
- Hermansyah & Suryani. (2018). Internalisasi Nilai-Nilai Keislaman pada Anak-Anak Para Muallaf. *Tarbiya Islamia: Jurnal Pendidikan dan Keislaman*, 7(2), 165-187.
- Hikmawati, S. A., & Farida, L. (2021). Pemanfaatan Media Tik Tok sebagai Media Dakwah bagi Dosen IAI Sunan Kalijogo Malang. *AL-ITTISHOL: Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam*, 2(1), 1-11.
- Huber, B., Tarasuik, J., Antoniou, M. N., Garrett, C., Bowe, S. J., Kaufman, J., & Team, S. B. (2016). Young children's transfer of learning from a touchscreen device. *Computers in Human Behavior*, 56, 56-64. doi:10.1016/j.chb.2015.11.010
- Huzaimah Hj Ismail & Aini Faezah Ramlan (pnyt). Shah Alam: UITM.
- Ibn Manzur & Jamal al-Din Abu al-Fadl Muhammad bin Mukarram bin Ali. 1995. *Lisan al-Arab*. 20 Juz. Bayrut: Dar Sadir.

- Ko, E. J., Sung, I. Y., Yuk, J. S., Jang, D.-H., & Yun, G. (2020). A tablet computer-based cognitive training program for young children with cognitive impairment: A randomized controlled trial. *Medicine*, 99(12), e19549-e19549. doi:10.1097/MD.000000000019549
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2023. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Munohsamy, T. (2014). Integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pendidikan. *Journal IPA*, 7(23), 219-232.
- Patton, Michael Quinn. 1990. *Qualitative Evaluation and Research Methods*, (Newbury Park, ca: Sage Publications, inc).
- Pratiwi, C. S. (2022). Platform TikTok sebagai Representasi Media Dakwah di Era Digital. *JISAB: The Journal of Islamic Communication and Broadcasting*, 2(1), 50-65.
- Puteh, S. N., & Abd Salam, K. A. (2011). Tahap Kesediaan Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Kesannya Terhadap Hasil Kerja dan Tingkah Laku Murid Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1), 25-34.
- Qistina Abdullah & Hazman Ali (2010). Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Kebangsaan. *Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*.
- Rahman, A. A., Subri, I. M., Razali, W. M. F. a. W., Dali, N. R. S. M., Ibrahim, R. I., & Ismail, N. (2015). Persepsi Muafak Terhadap Pengisian Pengislaman dan Program Pembangunan Muafak: Kajian di Negeri Sembilan. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa* = <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol6no1.78>
- Rahman, A. A., Nordin, N. S., Shakor, M. F. A., Zakaria, M. P., Syafiqah, N., & Hamdan, M. O. (2020). Kaedah Pengukuran Penentuan Status Muafak kepada Mukalaf dalam Konteks Malaysia (Deterministic Measurement Methods in Muafak to Mukalaf Status in Malaysian Context). *UMRAN*, 7(2), 41-49. <https://doi.org/10.11113/umran2020.7n2.413>
- Rosni Wazir (2014). Pendidikan Akidah Rasulullah S.A.W Terhadap Kanak-Kanak Berdasarkan Hadith Ke Sembilan Belas Al-Arba'in Alhawawiyah. *Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*, <https://www.researchgate.net/publication/340512086>.
- Mohd Sulaiman Yasin. (1997). *Aqidah Muslim: Mengenal Allah*. 2 Jil. Bangi: Yayasan Salman.
- Muhammad Rizaldi Pratama, & Nia Kurniati Syam. (2022). Efektivitas Penerimaan Santri Baru Melalui Sosial Media. *Jurnal Riset Komunikasi Penyiaran Islam*, 1(2), 128-132. <https://doi.org/10.29313/jrkpi.v1i2.575>
- Neumann, M. M. (2018). Using Tablets and Apps to Enhance Emergent Literacy Skills In Young Children. *Early Childhood Research Quarterly*, 42, 239-246. doi:10.1016/j.ecresq.2017.10.006
- Sayyid Qutb (1998). *Lailaha illallah Manhaj Hidup Muslim*, Shah Alam, Dewan Pustaka Fajar.
- Sayyid Sabiq (1984). *Al- 'Aqid al-Islamiyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Fath al-'lam al-Arabi
- Siskind, D., Honer, W. G., Clark, S., Correll, C. U., Hasan, A., Howes, O. & Freudenreich, O. (2020). Consensus statement on the use of clozapine during the COVID-19 pandemic. *Journal of Psychiatry and Neuroscience*, 45(3), 222-223.
- Syamsul M Romli, A. (2003). *Jurnalistik Dakwah, Visi dan Misi Dakwah Bil Qalam*. In *Jurnalistik Dakwah, Visi dan Misi Dakwah Bil Qalam* (p. 6).

- Waenoful. (2016). Kesulitan Orang Tua Muallaf Dalam Memberikan Pendidikan Agama Islam kepada Anaknya Yang Remaja di Yogyakarta. *Skripsi Sarjana Pendidikan Agama Islam*. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Wazir, R., & dan al-Sunnah, J. A. Q. (2020). Pendidikan Akidah Rasulullah saw terhadap kanak-kanak berdasarkan hadith ke sembilan belas al-Arbain Al-Nawawiyah. Selangor: International Islamic University College Selangor.
- Yahaya, M., Zakaria, R., Shaiful, M., & Zaid, M. (2021). Persepsi guru dan murid di MITS Selangor terhadap penggunaan teknologi maklumat (ICT) dalam pengajaran tahfiz. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*.
- Zakaria, S. R., Hamzah, M. I., & Razak, K. A. (2017). Penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pensyarah Pendidikan Islam di Politeknik Zon Selatan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(1), 29-41.
- Zakariya, N., & Mohamad, A. D. (2013). Media sebagai Wasilah Dakwah. *Al-Hikmah*, 5, 92-99. <https://wiser.my/tik-tok-adalah-aplikasi-paling-popular-dimuat-turun-dari-app-store-dan-ketiga-popular-dari-google-play-store>
- Temubual bersama Pegawai PERKIM 1, Mei 10, 2023.
- Temubual bersama Pegawai PERKIM 2, Disember 27, 2022.
- Temubual bersama Pakar Pendidikan Kanak-kanak, April 6, 2023.
- Temubual bersama Guru Muallaf 1, Disember 16, 2022.
- Temubual bersama Guru Muallaf 2, April 5, 2023.